

27/03/1997

Lawatan PM diharap bawa kemajuan

KOTA BHARU, Rabu - Umno berharap lawatan kerja sehari Perdana Menteri ke Kelantan, pada 4 April ini akan membuka laluan kepada Kerajaan Pusat untuk membawa pembangunan kepada rakyat negeri ini.

Langkah itu juga menunjukkan Kerajaan Pusat tidak mengabaikan kepentingan rakyat sesebuah negeri, walaupun ia diperintah oleh parti pembangkang.

Ketua Penerangan Umno negeri, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, berkata pembangunan lebih pesat akan dapat dilaksanakan jika kedua-dua pihak mempunyai persamaan fahaman politik.

"Ini kerana fahaman politik yang berbeza menjadi penghalang kepada kelancaran kemajuan sesebuah negeri," katanya selepas merasmikan Bengkel Bertindak Menangani Masalah Sosial Peringkat Negeri anjuran Jabatan Perpaduan Negara cawangan Kelantan, di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan ke Kelantan untuk menyaksikan upacara menandatangani perjanjian projek usaha sama petrokimia membabitkan RM2.5 bilion antara Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dengan Koperasi Usaha Bersatu Berhad (KUB).

(END)